

03/02/2003

Dr Mahathir wira keamanan dunia

Ezaruddin Abd Rahman

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad memang layak digelar wira keamanan dunia. Kelantangan Perdana Menteri memberikan pandangan dan menyatakan pendiriannya di peringkat antarabangsa membuktikan keberanian beliau untuk menyuarakan kebenaran dan keadilan untuk dunia.

Ketika di Davos, Switzerland, baru-baru ini, Dr Mahathir dengan berani menyuarakan tentangan terhadap rancangan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq.

Dr Mahathir adalah pahlawan Melayu jati. Jika pahlawan Melayu dulu menggunakan senjata untuk memenangi peperangan, Perdana Menteri menggunakan kebijaksanaan bicaranya dalam menyuarakan pandangan terhadap keamanan dunia.

Perjuangan untuk merealisasikan keamanan dunia perlu dihadapi dengan penuh cabaran dan kesabaran.

Dunia akan diancam dengan peperangan jika tiada seorang pun pemimpin yang mahu menjadi penyelamat dunia.

Generasi muda yakin Dr Mahathir boleh menjadi penyelamat dunia daripada berlakunya Perang Dunia Ketiga.

Beliau berkata: "Kalau tidak ada mana-mana pihak menyuarakan pandangan mereka yang negatif terhadap Amerika, maka negara itu akan berkata kepada dunia kami berperang untuk kebaikan manusia."

Anak-anak muda di Malaysia yakin Dr Mahathir boleh menjadi pejuang dunia dan manusia untuk keamanan.

Kedegilan Amerika untuk menyerang Iraq akan membawa bencana dan seterusnya menjejaskan kestabilan dunia.

Generasi muda Malaysia perlu berdiri teguh di belakang Dr Mahathir untuk bersuara lantang dalam mempertahankan keamanan dunia.

Kita harus sedar jika Washington menyerang Iraq, dunia akan bergolak walaupun peperangan berlaku di negara itu.

Kita perlu menghalang histeria Amerika untuk menyerang Iraq bagi menyelamatkan dunia. Kita mahukan Washington bersikap penyayang kepada dunia.

Kita juga mendesak agar dunia membebaskan Palestin daripada kekejaman Yahudi kerana ketidakstabilan di rantau itu menyebabkan permusuhan di antara satu sama lain.

Isu Iraq dan Palestin memberi kesengsaraan terhadap rakyatnya. Ramai kanak-kanak mati kerana tiada bekalan ubat yang mencukupi dan menyebabkan penyakit membiak dengan begitu cepat.

Peperangan di Iraq bermakna akan membuka kunci kepada peperangan yang lebih dahsyat dan menyebabkan berlakunya kumpulan pembalas dendam yang tidak akan ada kesudahannya.

Keikhlasan Dr Mahathir menyuarakan pandangan di pentas antarabangsa mendapat pujian pemimpin dunia lain serta menimbulkan kemarahan Amerika dan sekutunya.

Ini membuktikan kesanggupan Dr Mahathir menerima kritikan dan kita tidak membincangkan isu ini di kedai kopi atau dalam negara semata-mata. Kita berani tampil di luar untuk membidas Amerika.

Rakyat Malaysia hendaklah menunjukkan komitmen tinggi jika ingin menjadi penyelamat dunia dan menjadi suara keamanan dunia sejagat.

Oleh itu, kita harus memberi sokongan kepada Dr Mahathir dan pemimpin lain dalam menjayakan program Aman Malaysia. Kita perlu bukti bahawa seluruh rakyat Malaysia cintakan keamanan.

EZARUDDIN ABD RAHMAN,

Timbalan Presiden Persatuan Pemuda Negara Malaysia,
Kuala Lumpur.